

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/1969**

=====

**PERWAKILAN KUASA KEPADA MENTERI BESAR, SELANGOR
BERKAITAN PERMOHONAN GALIAN YANG TERTENTU DI
BAWAH ENAKMEN MELOMBONG BAB 147**

Pemungut Hasil Tanah adalah dimaklumkan iaitu suatu perisytiharan telah dibuat pada 12hb Disember 1968 mengikut S1.P.U. 19 bahawa perwakilan kuasa telah diberi oleh Raja Dalam Majlis bawah Seksyen 8 Ordinance Perwakilan Kuasa-Kuasa 1956, kepada Menteri Besar, Selangor untuk **menolak terus** di bawah dan mengikut 5(i) (a) dan 58(i) Enakmen Melombong N.M.B. Bab 147 berkenaan dengan permohonan-permohonan untuk Pajakan Galian, Lesen Carigali atau Kebenaran Carigali diatas mana-mana kawasan:-

- (i) yang telah diluluskan atau dikhaskan untuk rancangan kemajuan tanah, tambahan kepada kawasan kampung, rancangan perumahan harga murah atau bagi maksud awam;
- (ii) yang tidak diperolehi kerana ada permohonan terdahulu keatasnya yang telah diluluskan bagi pengeluaran pajakan galian, lesen carigali atau kebenaran carigali atau pun sedang dipegang di bawah lesen Carigali atau kebenaran carigali yang masih hidup pada masa permohonan itu diterima;
- (iii) yang telah pun dipohon dahulu dan ditolak oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan atas nasihat jabatan teknik;
- (iv) yang bertindih seluruhnya dengan permohonan-permohonan awal yang telah dikemukakan kepada Raja dalam Majlis untuk keputusan tetapi masih di dalam pertimbangan;
- (v) yang bertindih sebahagiannya dengan permohonan-permohonan awal yang telah dikemukakan kepada Raja dalam Majlis untuk keputusan tetapi masih di dalam pertimbangan dan tanah yang boleh diperolehi itu telah disyorkan untuk ditolak oleh Merinyu Kanan Galian kerana tanah itu tidak berisi bijih, atau terlalu kecil atau keadaannya tidak mengizinkan dilombong bersendirian;
- (vi) yang bertindih keseluruhannya dengan permohonan-permohonan yang awal yang mana permohonan-permohonan yang terkemudian itu diterima lebih daripada tiga bulan lewatnya dari tarikh Merinyu Kanan Galian membuat laporan keatas permohonan-permohonan awal.

Dengan pengeluaran Perkelilingan ini maka Perkelilingan PTG.Sel.Bil.4/67 yang tidak lengkap itu adalah terbatal.

T.T

(JOHAN BIN MOHD YASSIN)

PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

PTG.Sel.675(44)